

# PEKELILING NAIB CANSELOR

**Bilangan 16 Tahun 2021**

## **PEKELILING MENGENAI KAEDAH PERGERAKAN/ MOBILITI PELAJAR BAGI MENDAPATKAN KEMUDAHAN PENGGUNAAN Wi-Fi DI BANGUNAN AKADEMIK DAN PERPUSTAKAAN DI SEKITAR KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini disediakan bertujuan untuk menerangkan mengenai kaedah pergerakan/mobiliti pelajar bagi mendapatkan kemudahan penggunaan Wi-Fi di bangunan akademik dan perpustakaan di sekitar kampus UiTM, di luar waktu perdana (6.00 petang hingga 10.00 malam) dalam tempoh Pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (melibatkan semua fasa PPN).

### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pekeliling ini dikeluarkan lanjutan daripada pengumuman YB Menteri Pengajian Tinggi pada 14 September 2021 mengenai kemasukan pelajar ke kampus IPT pada Sesi I 2021/2022 secara berperingkat bermula pada 15 Oktober 2021.
- 2.2 Justeru itu, bagi memastikan proses pembelajaran pelajar berjalan dengan baik dan lancar sepanjang berada di kampus selepas waktu perdana (6.00 petang hingga 10.00 malam), Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bilangan 32 pada 06 Oktober 2021 telah menggariskan kaedah pergerakan/ mobiliti pelajar bagi mendapatkan kemudahan penggunaan Wi-Fi di bangunan akademik dan perpustakaan di sekitar kampus Universiti Teknologi MARA.

### 3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Secara umumnya, hampir semua kawasan kampus di UiTM, dilengkapi dengan kemudahan Wi-Fi seperti berikut:
  - 3.1.1 Bangunan akademik/ fakulti
  - 3.1.2 Perpustakaan
  - 3.1.3 Kolej Kediaman
  - 3.1.4 Pejabat pengurusan/ pentadbiran Universiti
  - 3.1.5 Kafetaria/ *food court*
  
- 3.2 Walau bagaimanapun, bagi mengelakkan tumpuan pelajar kepada satu-satu lokasi yang boleh mengakibatkan gangguan terhadap capaian Wi-Fi, pelajar adalah dibenarkan untuk melakukan pergerakan / mobiliti di sekitar kawasan kampus bagi mendapatkan kemudahan Wi-Fi yang disediakan dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan seperti berikut:
  - 3.2.1 Hanya pelajar yang telah mempunyai vaksinasi lengkap sahaja akan dibenarkan berada dalam kawasan kampus. Vaksinasi lengkap merujuk kepada individu yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:
    - 3.2.1.1 Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (seperti Cormirnaty (Pfizer-BioNTech), COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), CoronaVac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan Covilo (Sinopharm)), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau
    - 3.2.1.2 Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (seperti COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino)), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.
  - 3.2.2 Semua pelajar hendaklah membuat deklarasi harian saringan risiko dan *check-in* rekod Pergerakan secara dalam talian melalui <http://saringC19.uitm.edu.my> dan <https://mysejahtera.malaysia.gov.my>
  - 3.2.3 Semua pelajar tidak dibenarkan untuk berada di luar kawasan kolej kediaman masing-masing **melewati/ selepas** jam 11.00 malam.

- 3.2.4 Perjumpaan atau perbincangan secara bersemuka adalah dibenarkan hanya kepada pelajar yang telah lengkap vaksin dengan 50% kapasiti ruang bilik perbincangan. Mana-mana pelajar yang belum lengkap divaksinasi hendaklah mengikuti sesi perbincangan / perjumpaan secara sidang video. Walau bagaimanapun, sebarang sesi perjumpaan atau perbincangan digalakkan secara sidang video.
  - 3.2.5 Pelajar hendaklah sentiasa memakai pelitup muka sepanjang berada di dalam kampus.
  - 3.2.6 Bagi penggunaan ruang di perpustakaan, sila rujuk dan patuhi arahan yang telah ditetapkan oleh pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR).
  - 3.2.7 Sepanjang tempoh pergerakan/mobiliti pelajar, semua pelajar hendaklah sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti, menjaga adab-adab hubungan sesama pelajar dan tatasusila individu sesuai dengan imej sebagai seorang mahasiswa universiti.
  - 3.2.8 Lain-lain hal berkaitan keselamatan dan pengoperasian kampus adalah menggunakan arahan semasa yang telah dikuatkuasakan oleh universiti.
- 3.3 Sehubungan itu, pelajar adalah disarankan menggunakan fasiliti internet dan kelengkapan pergerakan ini untuk ulangkaji sendiri, menyempurnakan tugas serta mengadakan sesi diskusi bersama rakan sekuliah sama ada secara hibrid atau dalam talian dengan mematuhi SOP sedia ada.

#### **4.0 TARIKH DIKELUARKAN**


- 4.1 Pekeliling ini dikeluarkan pada 12 Oktober 2021.

#### **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

- 5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa pada 15 Oktober 2021.

## 6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pelajar dan ianya hendaklah dibaca bersekali dengan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Operasi Perkhidmatan Perpustakaan Tun Abdul Razak Universiti Teknologi MARA Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak COVID-19 (Pekeliling Bil. 1 Tahun 2020).



**PROFESOR DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**  
Naib Canselor

*Dikelilingkan Kepada:*  
*Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit*  
*Semua Dekan/ Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian Kejuruteraan*  
*Semua Rektor UiTM Cawangan*  
*Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar*  
*Semua Warga UiTM*

Bil. Fail : 100-UiTM (NC 6/2)  
No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 16